

## **FAKTOR YANG MEMPENGARUHI JUMLAH AGIHAN DANA ZAKAT MELEBIHI JUMLAH KUTIPAN PADA TAHUN 2014 HINGGA 2016 DI MAIPK : SATU ANALISA**

**Nurul Athirah Mohd Azmi**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka  
*nurulathirah@kuim.edu.my*

**Muhammad Saiful Hadi Bin Helme**

Kolej Universiti Islam Melaka  
*bdkperak93@gmail.com*

**Roslina Hashim**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka  
*roslinahashim@kuim.edu.my*

### **ABSTRAK**

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) merupakan sebuah institusi tunggal yang bertanggungjawab dalam menjaga perkara-perkara yang berkaitan dengan harta umat Islam di Negeri Perak. Walau bagaimanapun, institusi ini sering kali terlibat dengan kontroversi yang mana jumlah agihan zakat sejak tahun 2014, 2015 dan 2016 mula melebihi daripada jumlah kutipan yang diperoleh. Maka artikel ini ditulis untuk mengkaji faktor yang menyebabkan jumlah agihan dana zakat melebihi jumlah kutipan dana zakat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif melalui temu bual berstruktur, analisis kandungan perpustakaan dan tinjauan. Pengkaji menemubual Pegawai Baitulmal Daerah MAIPK sebagai responden yang mewakili institusi zakat di negeri Perak. Manakala laporan tahunan MAIPK bermula dari tahun 2014, 2015 dan 2016 akan dijadikan sebagai sumber untuk mengetahui jumlah kutipan dan agihan tahunan. Hasil kajian mendapati jumlah agihan yang melebihi kutipan adalah disebabkan oleh faktor pembayar zakat yang membayar zakat pada hujung tahun terlalu tinggi. Seterusnya, ia juga disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja ‘*man power*’, borang permohonan tidak lengkap, dan faktor geografi atau bentuk muka bumi yang berliku. Secara kesimpulannya, berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh pihak MAIPK pengkaji mendapati agihan yang telah dilakukan oleh pihak MAIPK berada pada tahap baik.

**Kata kunci:** Faktor, Agihan Zakat, Kutipan Zakat, MAIPK

**FACTORS INFLUENCE THE DISTRIBUTION OF ZAKAH FUNDS  
EXCEED THE AMOUNT OF ZAKAT FUNDS COLLECTION IN 2014  
TO 2016 IN MAIPK : AN ANALYSIS**

**ABSTRACT**

Perak Islamic Religious Council & Malay Customs is the sole institution responsible for safeguarding matters relating to the property of Muslims in the State of Perak. However, these institutions are often involved with controversy in which the amount of zakat distribution since 2014, 2015 and 2016 begins to exceed the total amount of the collection. Then this article was written to examine the factors that cause the distribution of zakat funds to exceed the amount of zakat funds collection. This study uses descriptive qualitative methods through structured interviews, library content analysis and surveys. The researcher will interview Perak Islamic Religious Council & Malay Customs District Baitulmal Officers as respondents representing zakat institutions in the state of Perak. The Perak Islamic Religious Council & Malay Customs annual report starting from 2014, 2015 and 2016 will be used as a source for the annual collection and distribution. The findings show that the distribution over the collection is due to the zakat payer factor paying zakat at the end of the year too high. Furthermore, it is due to the lack of man power, incomplete applications form, and geographical factors or winding-ups. In conclusion, based on the statistics published by the Perak Islamic Religious Council & Malay Customs researchers, the distributions that Perak Islamic Religious Council & Malay Customs has done are well-off.

**Keywords:** *Factors, Zakat Distributions, Zakat Collections, MAIPK*

**PENDAHULUAN**

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia sepanjang zaman. Menurut Yusuf al-Qardawi (2011) sejarah pensyariatan zakat bermula di Madinah pada tahun kedua Hijrah iaitu pada tahun yang difardhukan puasa Ramadan. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud “Rasulullah S.A.W telah memfardukan zakat fitrah itu segantang tamar atau segantang gandum pada bulan Ramadan ke atas orang Islam, sama ada mereka merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan”. Selain daripada itu, terdapat perintah di dalam al-Quran yang mewajibkan umat Islam untuk membayar zakat.

Selepas kewafatan Rasulullah S.A.W, ibadah zakat ini diteruskan oleh pemerintah Islam yang seterusnya iaitu Saidina Abu Bakar As-Siddiq. Pada awal pemerintahan beliau, munculnya satu golongan yang tidak mahu menunaikan zakat dan menyebabkan beliau berijtihad untuk memerangi golongan ini. Hal ini bertepatan dengan hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud :

*“Aku diperintahkan memerangi manusia sehingga mereka bersaksi tiada tuhan selain Allah dan (Aku) Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat serta menunaikan zakat. Apabila mereka melakukannya maka terpelihara darah mereka daripadaku melainkan dengan hak Islam” (Hadis Sohih Bukhari 40:8).*

Dalam Islam, ibadah zakat merupakan salah satu instrumen ibadah kewangan dan perekonomian. Matlamat utamanya adalah untuk membersihkan harta dan jiwa manusia kerana berkemungkinan terdapat hak orang lain dalam proses pencarian harta tersebut. Hal ini kerana dalam proses perekonomian terdapat kesan eksternaliti yang ditanggung oleh pihak ketiga ketika proses ini berlangsung. Menurut Sanep Ahmad dan Hairunnizam (2005), pengenaan zakat dalam sistem ekonomi Islam merupakan pemangkin kepada segala aktiviti ekonomi yang berlaku dalam sistemnya bagi mencapai tahap optimum.

Secara teorinya, golongan yang disyariatkan untuk membayar zakat adalah golongan yang mempunyai lebihan harta yang telah cukup haul dan nisab pada tahun semasa kemudian diagihkan kepada asnaf-asnaf yang telah ditetapkan di dalam al-Quran maksudnya :

*“Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir yang terputus bekalan dalam perjalanan. Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan dari Allah. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” (at-Taubah 9:60).*

Pengagihan dana zakat kepada golongan asnaf yang layak menerimanya memerlukan satu sistem yang berkesan agar setiap golongan asnaf tersebut merasakan mereka dilayan dengan adil dan saksama. Selain itu, menurut Nik Mustapha (2001), proses pengagihan zakat mestilah berada pada tahap yang optimum. Hal ini kerana ia memberikan satu kesan yang besar bukan sahaja kepada golongan asnaf yang menerima zakat malah kepada sektor ekonomi sesebuah Negara secara amnya. Tambahan lagi ia akan menyebabkan golongan penerima zakat berjaya keluar daripada kategori asnaf sekali gus menjadi salah seorang penyumbang kepada zakat Negara.

Jika dilihat daripada sejarah pada zaman Rasulullah S.A.W, kutipan dan agihan zakat secara praktikalnya mestilah dilaksanakan dalam lokalisasi yang sama iaitu zakat dikutip dan diagihkan juga di kawasan yang sama. Walaupun kaedah ini telah dilaksanakan secara formal dan bersistematik di Negara ini, namun masalah dalam mengagihkan dana zakat masih lagi berlaku serta masih lagi tidak dapat memuaskan hati semua pihak terutamanya golongan yang membayar zakat kepada institusi zakat. Hal ini terbukti apabila setiap tahun pengagihan dana zakat melebihi daripada hasil kutipan pada tahun tersebut.

Sebagai contoh bermula pada tahun 2014 statistik yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) menunjukkan agihan yang telah dilakukan adalah melebihi daripada jumlah kutipan sebenar iaitu kutipan sebanyak RM 15,731,162.50 dan jumlah agihan pula sebanyak RM 130,319,694.70 yang mana ia telah melebihi jumlah kutipan pada tahun tersebut.

Seterusnya pada tahun 2015 pula menunjukkan jumlah kutipan yang diperolehi oleh pihak MAIPK adalah sebanyak RM 32,305,905.30 dan jumlah agihan pula sebanyak RM 164,530,512.67 telah melebihi jumlah kutipan pada tahun tersebut. Manakala pada tahun 2016 pula statistik yang telah dikeluarkan menunjukkan sebanyak RM 142,808,962.95 telah diagihkan kepada asnaf-asnaf yang layak menerimanya dengan jumlah kutipan tahun semasa sebanyak RM 2,788,982.20.

Oleh itu, artikel ini ditulis untuk mengkaji faktor yang menyebabkan jumlah agihan dana zakat melebihi jumlah kutipan. Hal ini disebabkan institusi-institusi zakat khususnya pihak MAIPK masih tidak dapat memuaskan hati semua pihak disebabkan pentadbiran institusi zakat itu sendiri yang kurang meyakinkan dan dikatakan tidak cekap dan tidak professional serta sering kali dikaitkan dengan masalah penyelewengan agihan dana.

## KAJIAN LEPAS

Menurut Nik Mustapha Nik Hassan (2014) pengagihan bantuan modal daripada sumber zakat mampu menjadi pemangkin kepada aktiviti pembangunan ekonomi dan sosial serta mampu menggembungkan tenaga golongan asnaf agar menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi Negara. Pengagihan dana zakat bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W iaitu pada tahun kedua hijrah Baginda ke Madinah. Pengagihan dana tersebut boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu era Mekah dan era Madinah. Semasa era Mekah pengagihan dana tersebut lebih tertumpu kepada tiga golongan iaitu fakir, miskin dan muallaf. Manakala pada era Madinah, pelaksanaannya lebih menyeluruh iaitu meliputi siapa yang wajib membayar zakat, siapa yang layak menerima zakat, kaedah pembayaran zakat dan jenis harta yang diwajibkan zakat (Hamizul, 2012). Hal ini kerana pada peringkat awal permulaan Islam, zakat masih belum lagi disyariatkan pada masa tersebut serta istilah zakat juga dikenali sebagai sedekah.

Selain itu, menurut Hamizul (2012), selepas pensyariatan zakat diturunkan, baginda Rasulullah S.A.W memperkenalkan sistem pengurusan zakat secara komprehensif iaitu dengan mewujudkan satu jabatan yang tersendiri dengan melaksanakan pembahagian tugas secara berasingan iaitu tugas pengagihan, mencatat, dan penguatkuasaan undang-undang zakat. Menurut Musa Ahmad, Ariffin Md. Salleh dan Abdullah Said (2007) mengatakan pensyariatan zakat pada awal permulaan Islam hanyalah bersifat konseptual sahaja kerana ayat-ayat yang diturunkan di Mekah tidak menyentuh perihal zakat secara langsung. Semasa di era Madinah barulah persoalan-persoalan tentang kadar nisab, kadar hisab dan jenis-jenis harta dijelaskan oleh al-Quran dan as-Sunnah.

Kecekapan dan keadilan dalam pengurusan dana zakat oleh institusi zakat perlu dititikberatkan. Hal ini kerana keadaan ini dapat mempengaruhi prestasi

kutipan dan agihan zakat secara jangka panjang (Hairunnizam Wahid et.al., 2017). Md Hairi, Kamil dan Ram (2012) mendapati isu keyakinan masyarakat Islam yang rendah terhadap institusi zakat agak membimbangkan. Tadbir urus zakat yang tidak telus didakwa sebagai satu daripada faktor penyumbang terhadap permasalahan yang dihadapi. Kajian yang dibuat oleh Ahmad Hidayat dan Saidatul (2014) juga menyatakan bahawa wujud rungutan terhadap institusi zakat dalam pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang mengakibatkan keyakinan masyarakat kepada MAIN dan institusi zakat terjejas seterusnya enggan membayar zakat.

Di samping itu, menurut kajian Hairunnizam dan Sanep Ahmad (2014) mendapati tiga faktor yang dapat mempengaruhi tahap keyakinan masyarakat terhadap agihan yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor ialah imej korporat, faktor kutipan dan faktor agihan zakat. Selain itu terdapat dua faktor tambahan yang mempengaruhi tahap keyakinan masyarakat iaitu faktor manusia iaitu seperti tingkah laku pekerja zakat, perkhidmatan yang cekap dan berkualiti, bertanggungjawab dan sebagainya. Faktor yang seterusnya ialah faktor bukan manusia seperti prasarana yang lengkap dan moden, lokasi yang strategik, maklumat berkaitan info zakat yang mudah diperolehi.

Perbincangan berkaitan pengagihan dana zakat juga telah dilakukan oleh Nurul Ilyana (2016). Menurut beliau, pengagihan dana zakat dalam bentuk mikro kredit berpotensi untuk dilaksanakan oleh Negara-negara Islam yang lain khususnya institusi zakat Malaysia. Pemberian dana zakat dalam bentuk mikro kredit ini sebenarnya telah dilaksanakan oleh Negara Islam yang lain. Namun, permasalahan agihan dana zakat sering dibincangkan dari semasa ke semasa. Hal ini kerana walaupun peningkatan agihan telah dilakukan oleh institusi zakat namun ianya masih lagi tidak mampu memuaskan hati semua pihak. Terdapat cadangan yang dikemukakan agar institusi ini dikecilkkan lagi pengurusan agihannya supaya permasalahan agihan dapat dibendung (Dicky Wiwinta Toto Ngadiman, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Nor, 2016).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Hairunnizam Wahid, Radiah Abdul Kader dan Sanep Ahmad (2012) terhadap persepsi amil dan asnaf terhadap melokalisasikan agihan zakat mendapati majoriti para respondan bersetuju dengan kaedah ini dan menjadikan masjid sebagai tempat agihan dana tersebut. Terdapat tiga faktor yang menjadi pengukur kajian yang dijalankan yang pertama ialah perhubungan dan politik. Kedua ialah mudah mengenalpasti dan ketelusan dan yang ketiga ialah kepercayaan terhadap sistem dan institusi zakat.

Maka jelas sekali bahwasanya institusi zakat perlu mempunyai nilai integriti yang tinggi agar tidak menjadikan masyarakat memandang serong terhadap institusi ini. Oleh itu, artikel ini ingin mengkaji faktor yang menyebabkan jumlah agihan dana di MAIPK melebihi jumlah kutipan yang diperoleh agar segala persepsi buruk terhadap pihak MAIPK dapat diatasi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu satu pendekatan untuk mengumpul data-data kajian dengan menggunakan kaedah sesi temu bual dan dokumen

laporan tahunan MAIPK bermula dari tahun 2014 hingga 2016. Data-data yang dikaji termasuklah data mengenai jumlah kutipan zakat, jumlah agihan serta kaedah agihan yang dilaksanakan oleh MAIPK diperoleh melalui sesi temu bual pengkaji bersama responden iaitu Pegawai Baitulmal Daerah (PBD) MAIPK Kuala Kangsar iaitu Ustaz Hafizie Bin Abdul Karim.

Di samping itu, pengumpulan data kajian ini juga menggunakan metod kajian perpustakaan. Kajian perpustakaan adalah bertujuan bagi mendapatkan maklumat daripada jurnal, dokumen-dokumen berautoriti, buku-buku berkaitan zakat, laporan penyelidikan, laporan-laporan rasmi yang berkaitan serta penulisan-penulisan kontemporari berkaitan dengan zakat bagi membantu kajian ini. Di samping itu, rujukan terhadap bahan-bahan semasa yang terdapat dalam perpustakaan sama ada secara manual maupun secara dalam talian dalam tajuk yang berkaitan juga telah dilakukan.

Seterusnya, data kajian di analisa menggunakan kaedah *triangulasi* berdasarkan laporan tahunan, analisis kandungan dan temu bual separa berstruktur. Berdasarkan kepada laporan tahunan, pengkaji mendapati bahawa jumlah agihan tidak berkadar dengan jumlah kutipan di MAIPK sejak tahun 2014 hingga 2016. Analisis kandungan dibuat dengan merujuk kepada artikel yang berkaitan.

Analisis terhadap temu bual dilakukan dengan merangka tema berdasarkan objektif kajian. Rakaman audio dan rakaman visual kemudian telah diterjemahkan kepada bentuk transkripsi. Pengulangan terhadap rakaman dilakukan berulang kali agar data yang diterjemahkan pada bentuk transkrip diperoleh dengan tepat. Rakaman audio dan visual dibaca bersama transkrip untuk memastikan kesahan pemindahan data.

## DAPATAN KAJIAN

Perbincangan hasil kajian ini adalah berkaitan faktor jumlah agihan dana zakat melebihi jumlah kutipan dana zakat.

### **Faktor Yang Menyebabkan Jumlah Agihan Dana Zakat Melebihi Jumlah Kutipan**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan mendapati faktor utama permasalahan jumlah agihan dana zakat melebihi daripada jumlah kutipan adalah disebabkan oleh kebanyakan pembayar zakat akan membayar zakat mereka pada hujung tahun. Hal ini kerana kiraan *haul* pembayar zakat kebanyakannya bermula pada hujung tahun dan ia menyebabkan jumlah kutipan pada akhir tahun tersebut terlalu tinggi sehingga pihak MAIPK tidak dapat mengagihkannya pada tahun tersebut. Hal ini disebabkan pada setiap hujung tahun pihak MAIPK kebiasaannya akan menutup akaun kutipan dengan lebih awal agar ia dapat diagihkan dengan segera mengikut tahun semasa.

Walaupun jumlah kutipan pada akhir tahun tidak dapat diagihkan pada tahun semasa namun wang zakat tersebut tetap akan diagihkan pada tahun berikutnya. Kutipan pada akhir tahun itu dipanggil tanggungan tahun semasa

yang akan menjadi wang tambahan “*back up atau saving*” untuk skim-skim yang disediakan mengikut program yang ditawarkan.

Selain itu, faktor untuk mendapatkan rebat cukai juga menjadi penentu kepada peningkatan kutipan wang zakat pada akhir tahun. Hal ini disebabkan dengan membayar zakat maka pembayar zakat akan mendapat perlepasan pembayaran cukai pendapatan. Mereka yang membayar zakat boleh menuntut semula pembayaran cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan hanya membawa resit pembayaran daripada pejabat zakat.

Faktor yang seterusnya ialah apabila pihak pengurusan zakat tidak merekodkan data agihan “*key in data*” yang perlu dilakukan secara seratus peratus terutamanya yang melibatkan bahagian pengurusan amil zakat. Antara perkara yang termasuk dalam pengurusan amil ialah kos-kos pentadbiran dan pengurusan. Hal ini melibatkan pembayaran gaji pekerja bahagian zakat, kos-kos perkhidmatan, aset-aset dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan amil.

Seterusnya, kelemahan pihak MAIPK dalam pengagihan dana zakat juga merupakan faktor penyumbang kepada isu ini. Kajian mendapati kekurangan tenaga kerja (*man power*) merupakan salah satu kelemahan pihak MAIPK dalam menguruskan pengagihan dana zakat. Hal ini disebabkan jumlah pekerja yang sedia ada di setiap daerah tidak mampu untuk menguruskan agihan dana zakat tersebut dalam satu-satu masa sehingga menyebabkan seseorang kakitangan itu perlu menjaga satu kawasan yang luas seorang diri sahaja. Selain itu, peningkatan permohonan dana zakat terutamanya bahagian asnaf fakir dan miskin meningkat saban tahun sehingga menyebabkan lambakan kes yang belum dapat diselesaikan oleh pihak institusi zakat dalam masa yang ditetapkan.

Di samping itu, kegagalan memberi maklumat peribadi dengan lengkap oleh pemohon seperti alamat rumah, maklumat pengenalan diri yang tidak telus juga menyebabkan pihak pengurusan zakat gagal untuk mengesan golongan penerima zakat ini.

Faktor yang seterusnya ialah berkaitan dengan geografi atau bentuk muka bumi yang luas dan banyak halangan. Contohnya pengagihan dana zakat bukan hanya sekadar di kawasan bandar, kampung atau pekan malah ia juga memerlukan wakil pihak institusi zakat untuk memasuki ke kawasan pedalaman yang mana kawasan tersebut mempunyai bentuk jalan yang sukar dilalui oleh kenderaan milik pihak MAIPK. Selain itu, kawasan-kawasan pedalaman juga kebiasaannya tidak mempunyai papan tanda jalan yang melemahkan bagi pihak MAIPK untuk mengenalpasti kedudukan rumah asnaf dengan tepat.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Hasil dapatan kajian mendapati faktor luaran iaitu faktor pembayar zakat itu sendiri yang suka membayar zakat pada akhir tahun terlalu tinggi dalam satu-satu masa. Ia boleh menyebabkan dana zakat tersebut gagal untuk diagihkan pada tahun yang sama. Hal ini juga menyebabkan dana tersebut terpaksa disimpan dalam satu tabung atau akaun khas yang dikenali sebagai “akaun kutipan tanggungan tahun semasa” yang mana akaun ini akan menjadi wang tambahan

“back up atau saving” untuk menampung ketidakcukupan dalam skim-skim bantuan yang ditawarkan.

Oleh sebab wujudnya akaun tanggungan tahunan semasa ini, ia menyebabkan dana agihan yang telah disalurkan oleh pihak MAIPK melebihi daripada jumlah kutipan pada tahun tersebut terutamanya pada tahun 2015. Berdasarkan faktor pembayar zakat itu sendiri, terdapat dua sebab yang menjadikan mereka membayar zakat pada akhir tahun iaitu yang pertama kebanyakan kiraan *haul* bermula pada hujung tahun. Sebab yang kedua ialah kebanyakan mereka membayar pada akhir tahun untuk mendapatkan rebat cukai daripada pihak MAIPK.

Seterusnya faktor data agihan “key in data” tidak direkodkan secara seratus peratus ia tidak terlibat secara langsung dalam permasalahan pengagihan melebihi daripada jumlah kutipan yang telah dikutip. Hal ini kerana kedua-dua faktor tersebut berkait rapat dengan konsep pengurusan dan pentadbiran yang diamalkan oleh pihak MAIPK.

Berdasarkan kepada permasalahan yang berlaku mendapati permasalahan ini bukanlah disebabkan oleh kegagalan atau ketidaktelusan pihak MAIPK dalam mengagihkan dana zakat yang telah dikutip pada tahun tersebut akan tetapi ia disebabkan oleh faktor luaran iaitu faktor pembayar zakat itu sendiri yang suka membayar zakat mereka pada akhir tahun.

Hasil kajian juga mendapati terdapat tiga faktor yang menyebabkan jumlah agihan melebihi jumlah kutipan dana zakat iaitu yang pertama kekurangan tenaga kerja “*man power*”, kedua maklumat permohonan yang tidak lengkap dan yang ketiga faktor geografi atau bentuk muka bumi yang berlaku.

Bagi mengatasi permasalahan yang berlaku, maka pengkaji mencadangkan kepada pihak pengurusan tertinggi MAIPK agar dapat menjalankan kempen kesedaran membayar zakat dengan lebih awal kepada masyarakat agar wang zakat dapat diagihkan pada tahun semasa. Selain itu, pihak zakat juga boleh menggalakkan masyarakat agar membuat pembayaran zakat melalui potongan gaji kerana dengan membuat potongan gaji bulanan juga akan tetap mendapat rebat perlepasan cukai dengan hanya membawa resit pembayaran sebagai bukti.

Seterusnya, pihak MAIPK juga perlu memperkasakan lagi peranan dan tanggungjawab amil-amil yang telah dilantik oleh pihak pengurusan masjid untuk mengenalpasti dan mencari golongan asnaf yang memerlukan bantuan zakat terutamanya asnaf fakir dan miskin. Hal ini disebabkan peranan amil yang dilantik hanyalah menjadi wakil atau ejen kutipan zakat fitrah dan harta dikawasan tempat tinggal mereka. Sekiranya peranan amil dapat dipertingkatkan maka isu ketidaksampaian atau ketidaktelusan pihak zakat dapat diatasi dengan lebih baik.

Pihak pengurusan tertinggi MAIPK juga seharusnya menambahkan lagi bilangan pekerja di bahagian zakat. Hal ini disebabkan kekurangan pekerja merupakan faktor yang paling kritikal di setiap daerah di negeri Perak sehingga seorang pekerja terpaksa menjaga satu-satu kawasan seorang diri. Dengan menambahkan lagi jumlah bilangan pekerja maka ia mampu meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan pihak MAIPK dengan lebih baik.

Sekaligus dapat mengatasi isu ketidakcekapan dan ketidaktelusan institusi zakat dalam mengagihkan dana zakat kepada para asnaf pada masa akan datang.

## BIBLIOGRAFI

### Al-Quran

- Ahmad Hidayat & Saidatul. (2014). Pentadbiran Zakat Dan Kesedaran Masyarakat Islam Membayar Zakat Di Daerah Kota Belud Sabah. *Sains Humanika* 2(1): 125-134.
- Ahmad Sunawari Long. (2015). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi*. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dicky Wiwitan Toto Ngadiman, Salmy Edawati Yaacob & Hairunnizam Wahid. (2016). *Reaksi Institusi Zakat Terhadap Cadangan Melokalisasikan Pentadbiran Zakat di Institusi Pengajian Tinggi*.
- Hafizzie Abdul Karim. (2016). *Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak.Kuala Kangsar*. 16 Oktober 2016.
- Hairunnizam & Sanep Ahmad. (2014). Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat : Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 48 : 41-50.
- Hairunnizam Wahid, Radiah Abdul Kader & Sanep Ahmad.(2012). Penerimaan Amil dan Asnaf Terhadap Penyempatan Pengagihan Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmah, Mohd Ali Mohd Nor & Maryam Abd Rashid. (2017). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 51(2) 2017 33 – 46
- Hairunnizam Wahid. (2014). *Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perceptions of Amils and Zakat Recipients*. PHD Thesis. UM
- Laporan Tahunan MAIPK 2014
- Laporan Tahunan MAIPK 2015
- Laporan Tahunan MAIPK 2016
- Md Hairi Md Hussain, Kamil Md Idris & Ram Al Jaffri Saad. (2012). *Ketelusan di dalam tadbir urus zakat. Prosiding Seminar Isu-Isu Kontemporari Zakat di Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Musa Ahmad, Ariffin Md. Salleh & Abdullah Said. (2007). Penerokaan Sumber Baru Zakat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Jawhar*. 1 : 73-82.
- Nik Mustapha. (2001). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Nik Mustapha. (2014). *Pandangan Alam Islam dalam Peradaban Ekonomi*. Kuala Lumpur. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Nurul Ilyana Muhsin Adnan. (2016). *Mikro Kredit Daripada Dana Zakat : Satu Sorotan Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat*. PPZ. Kuala Lumpur. Reka Cipta Sdn.Bhd.
- Othman Talib.(2013). *Asas-asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang. UPM Press.
- Portal Rasmi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) [www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my)

- Portal Rasmi Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak Darul Ridzuan  
[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)
- Sanep Ahmad & Hairunnizam.(2001). Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39 : 53-69.
- Yusuf al-Qardawi. (2011). *Fiqh Al-Zakah A Comprehensive Study of Zakah Regulations and Philosophy in The Quran and Sunnah. (Terjemahan).* Islamic Book Trust. Kuala Lumpur. Malaysia